

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meneruskan proses tuntutan terhadap baki kawasan pelantar negara Malaysia di bahagian utara Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 12 Disember 2019, Malaysia telah mengemukakan *partial submission* iaitu tuntutan kawasan had pelantar benua di utara *Dangerous Ground* di Laut China Selatan kepada *Commission on the Limits of the Continental Shelf* (CLCS).

3. Ini merupakan kesinambungan kepada tuntutan secara bersama atau dengan izin, *joint submission* di antara Malaysia dan Vietnam yang telah dikemukakan kepada CLCS pada tahun 2009. *Joint submission* tersebut adalah terhadap had sempadan pelantar benua melebihi 200 batu nautika dari garis pangkal laut wilayah di bahagian paling selatan Laut China Selatan.

4. Tuntutan Malaysia adalah selaras dengan peruntukan Artikel 76, Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (KUUL 1982). Tuntutan Malaysia adalah berdasarkan data-data saintifik dan teknikal. Tuntutan ini juga adalah tanpa prejudis terhadap pembatasan (*delimitation*) sempadan maritim dengan negara-negara penuntut Laut China Selatan yang berkaitan.

5. *Partial Submission* Malaysia telah menerima bantahan daripada China dan Filipina, iaitu negara-negara penuntut Laut China Selatan. Berhubung dengan perkara ini, Malaysia tetap menegaskan bahawa tindakan yang diambil oleh Malaysia adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa khususnya KUUL 1982.

6. Malaysia masih menunggu pemakluman tarikh baharu bagi sesi pembentangan *partial submission* yang sebelum ini dijadualkan akan diadakan pada bulan Ogos 2020 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat. Pembentangan tersebut telah ditangguhkan oleh CLCS berikutan wabak pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.